



# HUKUM PEMAKAIAN DAN ZAKAT SUASA DAN EMAS

Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri



## ABSTRACT

*World has already stepped into progressive era with society capability in affording to possess item not only of their own needs, but for their ornament and luxury. Gold and silver are among decorative goods liked to be owned by human to portray individual status and pride. A part from that it's also acts as useful forms of investment due to its value and stable price. Nowadays, due to its' high demand, gold and silver have been revolutionized into various forms by using technological development and specialist's skill, especially by mixing it with copper, alloy and palladium, gold end up transforming into various kinds of decorative goods such as white gold and ormolu. However this new revolution arises with many new problems which need to find solution or fatwa. For instance when essential goods form such as crockery, glass etc, created from gold how should it be addressed in Islam. How about white gold and ormolu that are created from transforming gold, should it be zakat(ed)? If gold is strictly for women and silver for men and to who white gold and ormolu exclusively address? Hence, this study will try to untie multiple views of Islamic scholars, selected qaul, beside making juhud through reasoning aqliah on current problem-oriented scenario.*

## ABSTRAK

Dunia sudah melangkah ke zaman era kemajuan dengan kapasiti masyarakat sudah mampu memiliki tahap ekonomi yang stabil juga sudah boleh memiliki sesuatu barang yang bukan sahaja bagi kegunaan keperluan bahkan untuk perhiasan dan kemewahan. Emas dan perak merupakan salah satu barang perhiasan yang amat digemari untuk dimiliki sebagai lambang status kebanggaan seseorang individu malah ia juga sebagai satu bentuk pelaburan berguna kerana emas dan perak merupakan harta yang semakin tinggi nilai dan harganya selepas pembelian. Lantaran permintaan yang tinggi terhadap barang ini maka, emas dan perak telah direvolusikan dalam pelbagai bentuk hasil dari perkembangan teknologi dan kemahiran pakar yang semakin meningkat. Percampuran emas dan perak, tembaga dan emas, termasuk juga aloi serta palladium dengan emas juga akhirnya membentuk pelbagai jenis barang perhiasan lelaki dan wanita seperti yang ada di pasaran kini antaranya seperti emas putih dan suasa. Namun disebabkan berlakunya revolusi ini banyak permasalahan baru yang timbul dan perlu dicari resolusi penyelesaiannya. Bila emas ini dijadikan bentuk barang keperluan seperti pinggan mangkuk, gelas dan sebagainya, bagaimana pula hukumnya disisi Islam. Apakah hukum pemakaian emas putih dan suasa? Bagaimana pula dengan pembayaran zakat? Apakah hukum pembayaran zakat emas putih dan apakah ada keperluan pembayaran barang emas yang menjadi mas kahwin kerana ia bukan barang perhiasan. Kepada siapakah hak eksklusif emas putih dan suasa ini jika emas memang untuk wanita dan perak untuk lelaki? Justeru itu, kajian ini akan cuba merungkai pandangan, qawl-qawl yang terpilih di samping membuat *juhud* melalui pena'kulam aqliah terhadap senario permasalahan semasa kini.

## PENDAHULUAN

Zakat adalah salah satu tuntutan terpenting dalam agama Islam terkandung dalam lima (5) rukun Islam sebagai asas dan teras menjadi hamba yang beriman dan soleh terhadap tuntutan agamanya. Segalanya telah dinyatakan dengan jelas melalui hadis riwayat Ibn Umar, telah bersabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

*“Islam itu dibina menerusi lima perkara: mengucap dua kalimah syahadah bahawa tiada tuhan yang sebenarnya melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu Rasulullah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa di bulan Ramadan, serta menunaikan ibadat haji bagi sesiapa yang berkemampuan.”*

(Sahih Muslim, <http://www.sahihmuslim.com>, diakses pada 28 September 2007)

Zakat dari segi bahasa mempunyai beberapa maksud antaranya ialah “berkembang dan bertambah”. Firman Allah SWT di dalam al-Quran yang bermaksud:

*“Ambillah sebahagian dari harta mereka (orang kaya) sebagai sedekah yang tengannya dapat engkau membersihkan dan menyucikan mereka”.*

(Al-Quran, Surah at-Tawbah, ayat 103)

Perkataan “membersihkan” yang terdapat dalam ayat di atas, bermaksud membersihkan dari yang kotor. Dalam hal ini, yang kotor itu juga boleh dikaitkan dengan pendapatan yang syubhah yang berbentuk fizikal. Manakala “menyucikan” lebih terjerumus dalam bentuk spiritual. Dalam hal ini, perkataan “lizakkihim” adalah lebih tepat jika diertikan dengan fikiran, perasaan dan lain-lain. Secara tidak langsung, maksud membersihkan ini kebiasaannya bersangkut paut dengan harta yang syubhah. Dengan membayar zakat ini kita dapat mengelakkan diri kita dari menggunakan harta yang syubhah tadi. Maksud ini adalah yang biasa dihuraikan serta diterima pakai oleh jumhur ulama sedunia. (<http://muridqaradhawi.blogspot.com/2007/07/emas-dan-sutera-asli-haram-untuk-orang.html>, diakses pada 13 September 2007).

Dari segi syara’ pula ialah kadar yang tertentu daripada harta yang tertentu dan diberikan kepada mereka yang berhak menerima dari kalangan yang lapan dengan syarat-syarat yang tertentu (Hj. Hassan Al Fadhilah Saei, 1980).

Secara amnya, zakat terbahagi kepada dua iaitu zakat harta dan zakat fitrah. Antara contoh harta yang diwajibkan zakat adalah emas dan perak, barang perhiasan, hutang, tanam-tanaman, buah-buahan dan pelbagai lagi. Namun fokus perbincangan kita adalah lebih terfokus tentang barang dari emas dan perak.

## PERAK

Daripada Anas bin Malik RA yang bermaksud :

*“Sesungguhnya Nabi SAW memakai cincin perak. Pada cincin itu terpahat nama Muhammad Rasulullah Baginda bersabda kepada kaum Muslimin: Aku membuat cincin dari perak dan padanya aku ukirkan Muhammad Rasulullah Maka tidak ada seorang pun dapat mengukir pada ukirannya”.*

(Sahih Muslim, <http://www.sahihmuslim.com>, diakses pada 28 September 2007)

Perak merupakan sejenis unsur logam yang dianggap antara yang bernilai oleh manusia. Ia dihargai kerana warnanya yang berkilauan selepas diproses. Bagaimanapun ia mudah menjadi kusam kerana lapisan luar yang teroksida dengan oksigen. Perak adalah suatu unsur kimia dalam tabel periodik yang memiliki lambang Ag dan nombor atom 47. Lambangnya berasal dari bahasa Latin Argentum. Sebuah logam putih pertukaran lembut, berkilat dan perak juga memiliki konduktiviti listrik serta mempunyai tahap kepanasan tinggi. Ia terdapat di seluruh logam dan terdapat pada mineral dan dalam bentuk bebas. Logam ini juga pernah digunakan sebagai mata wang, perhiasan dan peralatan meja. (<http://www.sinarharapan.co.id/feature/Tren/2004/0210/tren01.html>, diakses pada 24 Ogos 2007).

Perak dan lelaki amat erat hubungannya ibarat aur dengan tebing kerana hukum pemakaianya adalah harus kerana ia mengikut sunnah Rasulullah SAW. Penegasan perkara tersebut telah dinyatakan dengan jelas melalui ayat yang telah dinyatakan di atas. Secara tidak langsung pemakaian perhiasan perak oleh lelaki mendapat pahala mengikut sunnah Nabi. Pemakaian lelaki terhadap perak adalah kerana tuntutan agama Islam sendiri yang amat menekankan pengharaman pemakaian barang emas dan suasa kepada golongan lelaki. Pengharaman ini membuktikan Islam membezakan gender antara wanita dan lelaki. Perbezaan gender ini adalah untuk membezakan hak antara wanita dan lelaki.

Daripada Nukman bin Bashir telah diredhai Allah keatas kedua-duanya berkata, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :



## Hukum Pemakaian

*“Bahawa perkara halal itu terang dan yang haram itu jelas dan diantara keduanya beberapa kesamaran tidak mengetahui akannya oleh kebanyakan manusia .....”*

(Sahih Muslim, <http://www.sahihmuslim.com>, diakses pada 28 September 2007)

Manakala zakat yang membabitkan barang-barang perak boleh dijelaskan berdasarkan Hadis riwayat Abu Said Al-Khudri RA:

*“Dari Nabi SAW, beliau bersabda: Tidak ada zakat pada hasil bumi yang kurang dari lima Wasaq (tiga ratus sha’), tidak ada zakat pada unta yang kurang dari lima ekor, tidak ada zakat pada perak yang kurang dari lima uqiyah”*

(Sahih Muslim, <http://www.sahihmuslim.com>, diakses pada 28 September 2007)

## EMAS

### Hadis riwayat Muslim

*“Salah seorang diantara kamu ini sengaja mengambil bara api kemudian ia letakkan di tangannya. Setelah Rasulullah pergi, kepada si laki-laki tersebut dikatakan: ‘Ambillah cincinmu itu dan manfaatkanlah.’ Maka jawabnya: ‘Tidak! Demi Allah, saya tidak mengambil cincin yang telah dibuang oleh Rasulullah.’”*

(Sahih Muslim, <http://www.sahihmuslim.com>, diakses pada 28 September 2007)

Menurut pandangan Islam, rasional pengharaman emas kepada lelaki adalah untuk membezakan antara lelaki dan perempuan yang mana wanita diharamkan menyerupai lelaki dan lelaki diharamkan menyerupai wanita. Secara tidak langsung pengharaman emas terhadap lelaki, memberikan hak ekslusif terhadap wanita serta pengiktirafan terhadap golongan hawa yang banyak berkurban untuk kaum Adam (<http://www.almanhaj.or.id/content/351/slash/0>, diakses pada 04 Ogos 2007).

Islam menghendaki agar perempuan itu mempunyai tabiat khusus, begitu juga dikehendaki dari kaum lelaki. Disebabkan itu, Islam mensyariatkan agar masing-masing dari keduanya ini (lelaki dan

perempuan) tidak menyerupai antara satu sama lain sama ada dari segi berpakaian, tutur kata, tingkah laku dan sebagainya.

Dari Ibnu Abbas R.A., dia berkata:

*“Rasulullah SAW telah melaknati orang-orang lelaki yang menyerupai perempuan dan orang-orang perempuan yang menyerupai lelaki. Dan dalam satu riwayat, Rasulullah telah melaknati orang-orang yang menyerupai perempuan dari kaum lelaki dan orang yang menyerupai lelaki dari kaum perempuan.”*

(Sahih Muslim, <http://www.sahihmuslim.com>, diakses pada 28 September 2007)

Emas adalah umpama sutera yang menjadi hak mutlak kepada wanita. Rasulullah SAW pernah bersabda tentang hujah pengharaman sutera kepada lelaki di dalam buku tulisan tafsir ayat-ayat ibadah tulisan H. Abdul Rachim melalui hadis Riwayat Bukhari dan Muslim yang telah diceritakan oleh Umar Ibnu al-Khattab RA yang bermaksud:

*“Janganlah kamu memakai sutera, sesungguhnya orang (lelaki) yang memakainya di dunia tidak dapat memakainya di akhirat.”*

(Sahih Muslim, <http://www.sahihmuslim.com>, diakses pada 28 September 2007)

Hukum lelaki memakai emas amat jelas hukumnya, iaitu haram berdasarkan begitu banyak dalil-dalil hadis, antaranya hadis Riwayat Ahmad, Abu Daud, Nasa'i, Ibnu Hibban, Ibnu Majah dan Ali bin Abu Talib RA berkata yang bermaksud:

*“Rasulullah SAW mengambil sutera, ia letakkan di sebelah kanannya, dan ia mengambil emas kemudian diletakkan di sebelah kirinya, lantas ia berkata: Kedua ini haram buat orang laki-laki dari umatku.”*

(Sahih Muslim, <http://www.sahihmuslim.com>, diakses pada 28 September 2007)

Tetapi Ibnu Majah menambah:

*“halal buat orang-orang perempuan.”*

(Sahih Muslim, <http://www.sahihmuslim.com>, diakses pada 28 September 2007)

Rahsia diharamkan emas ke atas lelaki kerana emas adalah sistem nilai yang menyokong sistem kewangan dan ia amat perlu berlegar dalam pasaran untuk menjana ekonomi. Manakala Imam Ibn Qudamah al-Hanbali berpendapat lelaki wajar menjauhi emas kerana ia adalah lambang kesombongan dan memecahkan hati golongan miskin dan ia harus untuk perempuan kerana tujuan kecantikan untuk suaminya (Haji Osman Bin Jantan, 1990).

Sudah diketahui umum hukum pembayaran zakat barang emas adalah wajib ke atas si pemilik bila mencukupi haul dan nisab tidak kiralah ia disimpan atau dipakai (Dr. Abdul Aziz Bin Muhammad, 1993).

Merujuk kepada beberapa hadis, nisab bagi zakat emas ialah dua puluh *mithqaal*. Satu *mithqaal* bersamaan satu *Dinar*. Manakala dari segi timbangan pula sesetengah ulama berpendapat ia bersamaan dengan 4.44 gram. Tetapi Bank Mesir menetapkan satu *mithqaal* bersamaan 4.46 gram (Syaikh Hasan Ayyub, 2002). Walaupun terdapat perbezaan tapi hanyalah sedikit. Ini kerana ia mengikut keadaan sesebuah tempat tersebut. Adapun jumlah yang wajib dikeluarkan zakat ialah sebanyak 1/40 ataupun 2.5% (Syaikh Hasan Ayyub, 2004).

Manakala sikap ingkar dalam membayar zakat boleh dihuraikan berdasarkan dua hadis berikut;

Hadis riwayat Abu Hurairah RA, ia berkata:

*Rasulullah SAW bersabda: Setiap pemilik emas atau perak yang tidak mahu memenuhi haknya (tidak mahu membayar zakat), pada hari kiamat pasti ia akan diratakan dengan lempengan-lempengan bagaikan api, lalu lempengan-lempengan itu dipanaskan di neraka Jahanam, kemudian lambungnya diseterika dengan lempengan itu, juga dahi dan punggungnya. Setiap kali lempengan itu mendingin, akan dipanaskan kembali.*

(Sahih Muslim, <http://www.sahihmuslim.com>, diakses pada 28 September 2007)

Hadis riwayat Abu Zar RA., ia berkata:

*Aku menghampiri Nabi SAW yang sedang duduk di bawah bayang-bayang Kakbah. Ketika beliau melihatku beliau bersabda: Mereka benar-benar merugi, demi Tuhan Kakbah! Kemudian aku duduk, tetapi tidak tenang, maka aku segera bertanya: Wahai Rasulullah, demi ayah dan ibuku sebagai tebusanmu, siapakah*

*mereka? Rasulullah SAW menjawab: Mereka adalah orang-orang yang paling banyak harta, kecuali yang berkata begini, begini dan begini (beliau memberi isyarat ke depan, ke belakang, ke kanan dan ke kiri). Mereka yang mau berbuat demikian sangat sedikit. Setiap pemilik unta atau sapi atau kambing yang tidak mau membayar zakatnya, pasti nanti pada hari kiamat, haiwan-haiwan itu akan datang dalam keadaan lebih besar dan lebih gemuk dari sebelumnya, menanduki pemiliknya dengan tanduk-tanduknya dan menginjak-injak dengan telapak kaki-telapak kakinya. Setiap kali yang lain telah selesai, datang lagi yang pertama sampai diputuskan di hadapan seluruh manusia.*

(Sahih Muslim, <http://www.sahihmuslim.com>, diakses pada 28 September 2007)

## ISU YANG TIADA BERKESUDAHAN

Berikut merupakan isu-isu semasa yang sering diperdebatkan kalangan masyarakat Islam yang tiada titik noktahnya. Penulis menegahkan beberapa isu ini untuk pertimbangan pembaca.

### 1. Suasa

Apa itu suasa? Suasa selalunya adalah gabungan antara emas, perak dan tembaga. Permasalahan dalam masyarakat sekarang adalah pertikaian sama ada suasa ini boleh dipakai atau tidak oleh golongan lelaki, kerana ia merupakan bahan campuran. Terdapat beberapa pendapat yang menjatuhkan hukum pemakaian iaitu haram, makruh dan halal.

Pendapat yang mengharamkan secara total diasaskan kepada dalil hadis yang mengharamkan emas dan hanya membenarkan cincin perak (Sahih Bukhari). Pendapat ini didokong oleh Imam Ahmad, Ibn Qudamah dan sebagainya. Memakai cincin menurut sunnah yang diperbuat daripada perak adalah harus bagi lelaki. Manakala bagi perempuan harus memakai cincin yang diperbuat daripada emas. Rasulullah SAW pernah memakai cincin diperbuat daripada perak sehingga baginda wafat. Baginda melarang memakai cincin emas sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi bermaksud;

*“Rasulullah SAW mlarang daripada memakai cincin emas”.*

(Sahih Muslim, <http://www.sahihmuslim.com>, diakses pada 28 September 2007)

Cincin suasa adalah campuran daripada dua unsur logam iaitu emas dan perak. Oleh kerana cincin suasa campuran emas lebih daripada perak maka ia dihukumkan emas dan haram dipakai oleh kaum lelaki. Menurut laporan Mesyuarat Panel Kajian Syariah JAKIM kali ke-31 pada 2-4 Oktober 2000 mengenai hukum memakai suasa bagi lelaki adalah haram (Prof. Dr. T.M Hashbi Ash Shiddieqy, 1980).

Pendapat yang memakruhkannya pula adalah kerana percampuran emas, tembaga dan perak. Ia menjadi syubhah kerana percampuran itu. Pendapat ini didukung oleh kebanyakan para fuqaha termasuklah ulama kontemporari seperti Al-Qardhawi (*Al-Halal Wal Haram Fil Islam*) dan Sayyid Sabiq (*Fiqhus Sunnah*), Imam al-Muhaqqiq Ibn Rajab al-Hanbali (*Ahkam al-Khawatim*, ms 41) yang menukilkan fatwa Imam Ahmad Ibn Hanbal (*Mursyidnya*), *“Tidak ada cincin bagi lelaki kecuali perak.”* Ketika ini, suasa sudah diterima pakai di Malaysia, bahawa lelaki harus memakai cincin suasa berdasarkan pendapat sebahagian dari fuqaha’ Syafi’iyah.

Namun untuk menjauhi syubhah, elok sekali memakai hanya cincin perak dan inilah pendapat yang disukai oleh Prof. Qardhawi (*Halal & Haram*), Imam al-Ghazali (*Ihya’ Ulumiddin*), Ibn Qudamah (*al-Mughni*) dan al-Marhum Sayyid Sabiq (*Fiqh al-Sunnah*); mereka berhujah tentang kuatnya dalil dari Nabi yang mencela lelaki memakai emas walaupun sedikit. Mengenai batu permata atau logam yang lebih mahal dari emas seperti platinum, Qardhawi berpendapat ia adalah harus.

Pendapat yang menghalalkan datang dari Ibn Hazmin dalam Kitab Al-Muhalla yang mana beliau berpendapat emas itu sudah tidak asli, maka diharuskan pemakaiannya. Ini adalah isu khilafah; ada ulamak yang mengatakan haram, makruh dan mubah (harus). Dalam hal ini, pandangan Mazhab Syafi’iy (Imam Nawawi dalam *Syarah al-Muhadzab*) menjelaskan jika kandungan emas itu kurang daripada logam lain, maka ia harus digunakan; contohnya logam suasa (gabungan antara emas, perak dan tembaga) ia diharuskan kerana kandungan emas kurang daripada logam perak dan tembaga.

## 2. Emas putih

Emas Putih terbentuk hasil daripada campuran beberapa unsur logam iaitu emas kuning, tembaga, nikel dan zink. Emas kuning yang digunakan untuk membentuk emas putih adalah dari emas kuning 18 karat (750) atau emas kuning 14 karat (585) (Jabatan mufti negeri Selangor, 2004) Kadar campuran unsur logam bagi membentuk 1 gram emas putih dalam peratusan adalah seperti berikut:-

Emas kuning (18K)	: 56.94%
Tembaga	: 26.77%
Nikel	: 11.96%
Zink	: 4.33%

Emas kuning (14K)	: 55.55%
Tembaga	: 19.00%
Nikel	: 13.78%
Zink	: 11.67%

Berkaitan dengan cincin emas putih pula, tidaklah dapat dipastikan adakah panggilan emas putih hanya berdasarkan pada namanya sahaja tetapi dari segi campuran ia tidak mengandungi kandungan emas. Setiap negara juga mempunyai perbezaan terhadap emas putih dan platinum. Di Malaysia emas dan platinum adalah berbeza manakala di Indonesia platinum dan emas putih adalah satu logam yang sama. Dari segi hukumnya jika ia tidak mengandungi campuran emas ia boleh dipakai oleh lelaki.

Tetapi sekiranya ia mengandungi campuran emas dengan bahan lain, hukumnya adalah seperti termaktub dalam Keputusan Muzakarah Fatwa kali ke-52 pada 1 julai 2002 menyatakan bahawa haram memakai emas putih ke atas golongan lelaki, kerana emas putih adalah terbentuk hasil daripada campuran beberapa logam iaitu emas kuning, tembaga, nikel dan zink. Emas kuning yang digunakan untuk membentuk emas putih adalah dari emas kuning 18 karat atau emas 14 karat.

Ada ulama mengatakan ia boleh di pakai oleh kaum lelaki sekiranya campuran bukan emas adalah lebih besar nisbahnya berbanding kandungan emas seperti cincin suasa. Ibn Hazm (Muhalala), menjelaskan penemuan-penemuan baru dalam

menghasilkan logam campuran (termasuk teknologi *gold-plating* dan *silver-plating*) adalah perkara-perkara baru yang tidak menyerupai hukum asal emas dan perak. Dalam hal ini mengikut tafsiran dari kata-kata Ibn Hazm, maka menggunakan barang perhiasan dari teknologi menyadur logam atau mencampurkan logam adalah harus. Ia dipanggil hukum at-Tasybih (barang menyerupai yang haram tapi zatnya tidak haram).

Jumhur ulama bersepakat menyatakan hukumnya tetap haram kerana berdasarkan nas al-Quran dan hadis/sunnah Nabi SAW tidak ada dinyatakan perihal sama ada bandingan nisbah emas dengan bahan lain selain emas di ambil kira dalam perkara ini dan yang terang serta nyata di dalam al-Quran dan hadis ialah emas itu adalah haram bagi lelaki tanpa di nyatakan sama ada nisbahnya (A.Hassan, 1985).

Menurut al-Ahkam pula haramnya emas bagi lelaki dan harusnya perak. Namun emas yg diharamkan itu ialah emas kuning. Emas putih tidak termasuk pengharaman emas ke atas lelaki kerana logam ini tidak dikenali pada zaman dahulu. Maka ia kembali pada hukum asal: asal setiap sesuatu adalah mubah (harus) kecuali ada nas yang mengharamkannya. Emas 916 dan emas 999 itu adalah emas kuning yang diharamkan (melalui nas) (<http://soaljawab.wordpress.com/2007/04/12/hukum-emas-putih/>, diakses pada 16 September 2007).

## HUKUM PEMBAYARAN ZAKAT EMAS PUTIH

Lantaran perbincangan emas putih ini masih baru maka wujud pertikaian terhadap keperluan kepada pembayaran zakat emas putih ini kerana sifat emas putih akan turun nilai walau dibeli dengan harga yang sangat mahal (F S A Majed, 1993).

Tetapi zakat terhadap barang emas dan perak seperti yang diterangkan oleh hadis Nabi tidaklah diwajibkan atas semua harta. Tapi diwajibkan pada harta yang dapat hidup lagi menghidupkan dan tumbuh membiak. Fuqaha golongan Hanafi menetapkan bahawa sebab wajibnya zakat adalah pemilikan harta yang dapat, walaupun sedikit, untuk tumbuh membiak dan lebih dari keperluan (Yusuf Qardhawi, 2002).

Namun, adakah pandangan ini sesuai dengan jenis nilai emas putih yang berlaku susut nilai dan tidak membiak selama dipakai dalam batas ukuran yang biasa. Dan bagaimana pula dengan emas putih yang dipakai lebih dari *uruf* kebiasaan yang dipakai.

## BARANGAN KEPERLUAN DARI EMAS DAN PERAK

Barangan keperluan seperti pinggang mangkuk, meja kerusi juga turut mendapat perhatian masyarakat hari ini. Ia merupakan lambang status kemewahan kepada golongan yang berkemampuan (Amir Hamzah Fakhruddin, 2000).

Permasalahannya hari ini, jika emas telah dinyatakan dengan jelas pengharamannya terhadap golongan lelaki, bagaimana pula hukum pemakaianya terhadap golongan lelaki? Adakah ianya dibolehkan atau sebaliknya.

Menurut pandangan mazhab Syafie perhiasan lelaki (selain cincin perak) dan peralatan atau perhiasan di rumah adalah diharamkan (Mustofa al-Khin, Mustofa Al-Bugho, 1999). Dalil pengharamannya dipetik dari hadis riwayat al-Bukhari (5110) dan Muslim (2067) daripada Huzaifah bin al-Yaman r.a. katanya: aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

*“Janganlah kamu minum di dalam bekas emas dan perak. Janganlah kamu makan dalam talamnya (pinggang dan mangkuknya). Sesungguhnya ia untuk orang kafir di dunia dan di akhirat”.*

(Sahih Muslim, <http://www.sahihmuslim.com>, diakses pada 28 September 2007)

Dalam aspek penggunaan barang yang terhasil dari emas dan perak ini sebahagian ulama' berpendapat bahawa makan dan minum dari peralatan perak, makruh, bukan haram. Mereka berkata: Larangan ini dimaksudkan hanya untuk membersihkan jiwa dan buat menjadi jalan menjauhkan diri dari hiasan dunia (Prof. Dr. T.M. Hashbi Ash Shiddieqy, 1980).

Jumhur ulama' menyamakan hukum memakai perhiasan emas dan perak untuk tempat makan dan minum dengan memakai peralatan emas dan perak bagi tempat bedak, celak, dan lain-lainnya. Bahkan,

para jumhur tidak membolehkan kita membuat piala emas dan perak walaupun tidak dipakai (Wahbah al-Zuhaili, 1994).

Para ulama fiqh pula telah sepakat menetapkan bahawa haram hukumnya bagi lelaki dan perempuan memakai atau menggunakan bejana yang diperbuat daripada emas dan perak seperti pinggan, mangkuk, sudu, garpu dan cawan. Termasuk maksud bejana itu juga pencelak mata, tempat pencelak mata, pencungkil gigi dan seumpamanya. Penggunaan yang dilarang itu tidak kira sama ada bagi tujuan sebagai alat untuk makan dan minum, tempat menyimpan ataupun semata-mata hanya untuk perhiasan tanpa digunakan (Ny. Adlchiyah Sunarto, M. Multazam, 1989).

Dasar ketetapan hukum haram memakai atau menggunakan barang-barang ini disandarkan kepada berbagai-bagai sumber hadis, antaranya seperti yang diriwayatkan daripada Ummu Salamah Radhiallahu ‘anha, beliau berkata bahawa Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda yang bermaksud:

*“Sesiapa yang minum (menggunakan) pada bejana daripada emas atau perak, maka dia hanya akan menggelegakkan di dalam perutnya api daripada neraka Jahannam.”*

(Sahih Muslim, <http://www.sahihmuslim.com>, diakses pada 28 September 2007)

Melalui pandangan-pandangan tersebut dapatlah dinyatakan dengan jelas betapa Islam mengharamkan penggunaan perhiasan dari emas dan perak dan larangan ini bukan sahaja ditujukan untuk lelaki bahkan untuk wanita juga kerana ia boleh membawakan sikap bermegah-megah. Namun persoalan yang timbul, dalam kondisi masyarakat kita hari ini bagaimana pula hukum pemakaian gigi emas bagi menggantikan gigi yang sudah rosak kerana dipercayai gigi daripada emas ini lebih tahan lama dan berkualiti begitu juga dengan penggunaan tulang emas bagi menggantikan tulang yang telah patah akibat kemalangan atau kecelakaan yang menimpa seseorang individu? Bagaimana jatuh hukum pemakaianya? Sama ada dibolehkan atau tidak.

Menjawab tentang isu tersebut kita perlu melihat terlebih dahulu tujuan kepada pemakaian barang yang berunsurkan emas dan perak ini. Dalil-dalil pengharaman terhadap pemakaian barang ini adalah kerana untuk untuk mengelakan dari sikap bermewah-mewah dan boleh

melahirkan rasa kebanggaan dalam hati pemilik barang tersebut (Ishak Din, Dr. Haron Din, Abu Hassan Din Al-Hafiz, 1999). Memetik kata-kata Ibnu Qudamah yang mengatakan bahawa penharaman tersebut ditujukan kepada lelaki dan perempuan karena hadis berkaitan dengan bejana ini bersifat umum dan alasan diharamkannya kerana berlebih-lebihan dan melahirkan sikap sompong serta dapat menimbulkan syak wasangka orang-orang fakir (<http://www.halalguide.info/content/view/990/38/>, diakses pada 16 September 2007).

Justeru dalam isu gigi emas dan penggantian tulang yang telah patah dengan tulang emas lantaran untuk perubatan dan adalah demi kemaslahatan pengguna. Maksud tidak memberikan kemaslahatan kepada pengguna adalah tidak menyukarkan dan meningkatkan kos membaik pulih setiap masa kerana gigi yang diperbuat dari emas lebih tahan kualitinya. Dalam keadaan sebegini bolehlah ditakwilkan penggunaannya bukan untuk bersuka-suka dan menunjukkan kemewahan namun untuk kegunaan bagi perubatan. Ia berbeza dengan tujuan pengharamannya.

## ZAKAT MAS KAHWIN

Isu mas kahwin juga tidak boleh dipandang mudah oleh masyarakat kini. Sama ada perlu atau tidak pembayaran zakat terhadap mas kahwin kerana mas kahwin tidak boleh disamakan dengan barang perhiasan. Barang perhiasan adalah barang yang dipakai dalam penggunaan harian ataupun untuk disimpan. Namun dalam isu mas kahwin ianya merupakan hadiah daripada si suami kepada si isteri. Justeru bagaimana pula pengiraan zakat ke atasnya?

Abu Hanifah berpendapat bahawa mas kahwin bagi wanita itu tidak wajib dizakatkan kecuali jika telah diterima kerana itu adalah ganti kepada dari sesuatu yang tidak berupa harta, hingga tidak wajib dizakatkan sebelum diterima, seperti halnya piutang tebusan dari budak yang hendak membebaskan diri (Ahmad Abdul Aziz Al-Mazini, 1989).

Setelah diterima di syaratkan pula cukup nisab dan tempohnya selama satu tahun. Kecuali jika selain mahar itu ada harta lain yang senisab. Maka jika diterima mahar yang jumlahnya sedikit, hendaklah digabungkan kepada harta tadi, dan dizakatkan menurut perhitungan tahunan ( Muhammad 'Athiyah Khumais, 1985).

Menurut Syafi'i, wanita itu diwajibkan mengeluarkan zakat mas kahwin jika telah cukup maharnya satu tahun. Ia mesti mengeluarkannya dari keseluruhannya pada akhir tahun, walaupun ia belum lagi dicampuri suaminya. Tak ada pengaruh atau bezanya, apakah mas kahwin itu mungkin gugur seluruhnya disebabkan fasakh, murtad atau lain atau separuh kerana cerai.

Bagi golongan Hanbali mas kahwin itu menurut pengakuan, merupakan piutang kepada perempuan, maka hukumnya adalah seperti hutang piutang lainnya. Jika terhadap orang yang mampu, wajib dikeluarkan zakatnya, dan bila telah diterimanya hendaklah dikeluarkannya buat masa yang lalu. Dan jika terhadap orang miskin dan yang tidak mengakui, maka pendapat yang lebih kuat menurut Khairaqi ialah wajib dizakatkan dan tidak ada bezanya sebelum dan sesudah dicampurkan (Muhammad 'Athiyah Khumais, 1987).

Jika separuhnya maka jatuhlah disebabkan cerainya perempuan itu sebelum dicampurkan dan wajib diterimanya separuh lagi maka ia wajib menzakatkan yang telah diterimanya dan telah tidak wajib bagi yang tidak diterimanya.

Begitu pula kalau seluruh mas kahwin itu gugur sebelum diterimanya disebabkan fasakhnya nikah kerana kesalahan daripada pihak dirinya.

## KESIMPULAN

Pandangan penulis kenapa perlu diperincikan jika sesuatu perintah atau hukum itu jelas. Perkara begini akan membawa kepada satu kekeliruan yang besar. Sepertimana yang berlaku mengenai cerita sapi betina pada zaman Nabi Musa AS, apabila kaum Bani Israil diperintahkan untuk mendapatkan lembu betina. Kemudian mereka berbalah sesama sendiri mengenai sapi yang bagaimana yang hendak dicari sehingga mengelirukan semua pihak. Apabila ditanya kepada Nabi Musa tentang perkara ini, maka jawab baginda cari lembu yang berwarna keemasan, tidak tua tidak terlalu muda, dan tidak digunakan untuk bekerja.

Perkara yang asalnya mudah akhirnya menjadi susah dan hampir-hampir menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan perintah tersebut disebakan oleh kewas-wasan mereka. Begitu juga dengan perkara yang bersabitan dengan emas, perak, suasa mahupun emas putih. Secara dasarnya apa juia yang bersangkutan dengan emas adalah

haram hukumnya bagi lelaki. Kenapa perlu diperincikan sehingga mencari jalan untuk menghalalkan sesuatu yang pada dizahirnya adalah haram?

## RUJUKAN

- A.Hassan (1985). *Soal Jawab Masalah Agama*. Bangil
- Ahmad Abdul Aziz Al-Mazini. (1989). *Panduan Mengeluarkan Zakat*. Al-Rahmaniah.
- Ali Akbar Osman. (1995). *Mengapa Perlu Membayar Zakat? Apakah Kelebihan Zakat? Apakah azab jika tidak membayar zakat?*. Al-Hidayah Publishers.
- Amir Hamzah Fakhruddin (2000). *Al-Fatawa Al-Jami'ah Lil Mar'atil Muslimah, edisi Indonesia Fatwa-Fatwa Tentang Wanita 1, Disusun Amin bin Yahya Al-Wazan*. Darul Haq hal. 208- 212.
- Dr. Mustofa Al-Khin, Dr.Mustofa Al-Bugho dan Ali Asy-Syarbaji (1998). *Kitab fikah mazhab Syafie : menghuraikan bab sumpah & nazar, pemburuhan & penyembelihan, aqiqah, makanan dan minuman, pakaian & perhiasan dan kafarah* . Pustaka salam, Kuala Lumpur
- Dr. Abdul Aziz Bin Muhammad (1993). *Zakat and Rural Development In Malaysia*. Berita Publishing, Kuala Lumpur.
- Dr. Yusuf Qardhawi (1980). *Al-Haram Wal Haram Fil Islam*. al-Maktab al-Islam Beirut
- Dr. Yusuf Qardhawi (2002). *Nahw Fiqh Taysir Maktabah wahbah*. Kaherah
- F S A Majeed (1993), *Zakaat Question & Answers*. Singapore
- H. Abdur Rachim (1987), *Syariat Islam: Tafsir Ayat-Ayat Ibadah*. Rajawali Pers, Jakarta.
- Hj. Hassan Al Fadhilah Saei (1980). *Zakat Dan Sumbangan kepada Ekonomi Negara*. Universiti Utara Malaysia.
- Haji Osman Bin Jantan (1990), *Pedoman Ilmu Fiqh*. Pustaka Nasional Pte Ltd.

Hukum Pemakaian

- Imam Al-Muhaqqiq Ibn Rajab Al-Hanbali (1981). Ahkam Al-Khawatim. Penerbitan Hizbi.
- Imam Ibn Hazm (1989). *Al Muhalla*. Amerika Trust Publication.
- Imam Ibnu Qudamah Al Maqdisi (2007). *Al-Mughni*. Pustaka Azzam.
- Imam Ghazali (1963). *Ihya' Ulumuddin*. Pustaka Nasional Pte Ltd, Singapura.
- Muhammad 'Athiyah Khumais. (1985). *Fiqih Wanita tentang Puasa dan Zakat*. Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Muhammad 'Athiyah Khumais. (1987). *Fiqh Wanita Zakat dan Puasa*. Penerbitan Hizbi.
- Ny. Adlchiyah Sunarto, M. Multazam (1989). *Dr Mustofa Diibul bigha fiqh syafii terjemahan st tahdzib*. Klang Book Centre.
- Prof. Dr. T.M. Hasbi Ash Shiddieqy. (1989). *Pedoman Zakat*. Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Sahih Muslim, <http://www.sahihmuslim.com>, diakses pada 28 September 2007.
- Sayid Sabiq (1987). *Fikih Sunnah*. Pustaka Al-Azhar.
- Syaikh Hasan Ayyub (2004). *Fikih Ibadah*. Pustaka Al-Kautsar. Jakarta Timur.
- Ust Ishak Din, Dato' Dr. Haron Din, Dato' Abu Hassan Din Al-Hafiz (1999). *Fiqh Harian*. Hizbi. Shah Alam.
- Wahbah al-Zuhaili (1994). *Fiqh Dan Perundangan Islam Jilid II*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <http://soaljawab.wordpress.com/2007/04/12/hukum-emas-putih/>, diakses pada 16 September 2007.
- <http://muridqaradhwani.blogspot.com/2007/07/emas-dan-sutera-asli-haram-untuk-orang.html>, diakses pada 13 September 2007.
- <http://www.sinarharapan.co.id/feature/Tren/2004/0210/tren01.html>, diakses pada 24 Ogos 2007.